



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir  
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04 657 5500  
Faks : 04 658 2500  
Laman Web: <http://jpnpp.moe.gov.my>

Rujukan Kami : JPNPP.600-2/1/5 JLD.3 (14 )

Tarikh : 25 November 2024

### Semua Guru Besar Sekolah Rendah Pulau Pinang

Tuan,

### INSTRUMEN TINJAUAN PELAKSANAAN PENJAJARAN KURIKULUM BAHASA MELAYU TAHAP 1

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan penjajaran kurikulum dengan menyusun semula kurikulum sedia ada iaitu KSSR (Semakan 2017) dengan jenama Dokumen Penjajaran Kurikulum (DPK) Edisi 3. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah melaksanakan penataran di seluruh negara melalui webinar pada Julai 2024. Satu tinjauan dilaksanakan untuk menilai tahap kefahaman dan pelaksanaan DPK Edisi 3 dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap 1 (tahun 1,2 & 3).

3. Sehubungan dengan itu tuan diminta untuk memanjangkan pautan tinjauan kepada guru Bahasa Melayu Tahap 1 (tahun 1, 2 & 3). Tempoh tinjauan ini bermula 27 November 2024 sehingga 13 Disember 2024. Pautan instrumen tinjauan adalah seperti yang tertera di bawah:

Instrumen DPK/01: Guru:

<https://forms.gle/PJPWGuZdRjwjRGhv9>

Instrumen DPK/02: Pentadbir:

<https://forms.gle/i9ZH3bS5mzmt1xqn9>

4. Sebarang keterangan lanjut, sila berhubung dengan **En. Wan Mohd Akmal bin Wan Halim, Penolong Pengarah Bahasa di talian 04-6521383 / 019-4733793** di Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN DIGITAL”**

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. AZHAN BIN ABDULLAH)

Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit TVET

Sektor Pembelajaran

b.p Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang